

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang professional, dinamik , kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami

TARIKH IKLAN: 13 Ogos 2019

JAWATAN

EKSEKUTIF HASIL - TETAP

KELAYAKAN MEMOHON

- Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

atau

- Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

DAN

Memiliki **Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas** bagi Ijazah Sarjana Muda yang berkenaan.

DAN

Kepujian dalam subjek **Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Matematik dan Bahasa Inggeris** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

- Semua pemohon luar dan dalam mestilah Warganegara Malaysia berumur **tidak kurang daripada 18 tahun** pada tarikh tutup iklan.
- **Pegawai LHDNM** yang sedang berkhidmat **bertaraf tetap** layak dipertimbangkan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan:

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

- a) Mempunyai kelayakan minimum seperti di atas; dan
- b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** selepas **disahkan dalam jawatan sekarang**.

Pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat secara **Kontrak Bergaji Bulanan** dan **Kontrak Bergaji Harian** layak dipertimbangkan

BIDANG TUGAS

- Menjalankan tugas pemungutan dan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuklah:
 - a) Menjalankan operasi pematuhan cukai melalui pelaksanaan audit yang berkesan, menyelaras operasi dan tinjauan ke zon ekonomi.
 - b) Menyemak dan meluluskan taksiran pindaan dan pembayaran balik.
 - c) Melaksanakan tugas pungutan yang merangkumi pengumpulan dan pemuliharaan cukai, pengembalian dana, panggilan luar dan hal ehwal berkaitan pungutan.
 - d) Merancang program pendidikan cukai dengan penyediaan bahan pendidikan cukai kepada majikan, pekerja, pelajar sekolah, IPT dan agensi luar.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- Berdaya saing, cergas, berfikiran strategik, mempunyai minda analitikal, berupaya memacu keberhasilan, inovatif, kreatif dan fleksibel.
- Mempunyai semangat kerja berpasukan yang jitu serta berkemahiran tinggi dalam komunikasi melalui Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

GAJI

RM2,977.00 - RM0.00

CARA MEMOHON

- **Calon hanya dibenarkan untuk memohon satu jawatan** yang diiklankan sahaja. Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.

- Permohonan daripada calon luar dan pegawai LHDNM bertaraf kontrak bergaji harian hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL: <https://career.hasil.gov.my/>
- Pemohon hendaklah memastikan semua **maklumat** adalah **tepat dan terkini** sebelum permohonan dibuat.

MAKLUMAT TEMUDUGA

- Nama calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan **dimaklumkan** di Portal Rasmi LHDNM www.hasil.gov.my (ruangan “Kerjaya”). Keputusan adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

31 Ogos 2019

NOTA

- Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- **Pemohon dinasihatkan sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM** untuk sebarang perkembangan terkini berhubung tawaran jawatan ini.
- Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: kerjaya@hasil.gov.my